



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
Aras 9 & 10, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000
Faks : 603-8888 8835/36/37
603-8888 8687/11500
Laman Web : www.moh.gov.my

Ruj Kami : KKM.S.500-2/29/16 Jld.4 (3)
Tarikh : 26 Februari 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN DI LAMPIRAN A

YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

URUSAN KENAIKAN PANGKAT PENGAJAR GRED U10 KE GRED U12 DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian YBhg. Dato'/ Datin/ tuan/ puan berhubung perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat **Pengajar Gred U10 ke Gred U12** seperti di **Lampiran A**. Sehubungan dengan itu, KKM memohon perakuan daripada Ketua Jabatan bagi mengemukakan perakuan pegawai yang terlibat serta memenuhi syarat-syarat seperti berikut :-

- (a) Mencapai tahap prestasi yang telah ditetapkan (Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) **minimum 80%** dan ke atas bagi 3 tahun terkini; dan
- (b) Diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan

3. Sehubungan dengan ini, **Ketua Jabatan** adalah dipohon **mengemukakan maklumat kepegawaian dan perakuan** dengan menggunakan **Borang NP(P) 8.3 Pindaan 2018** (*contoh dikembarkan*) beserta dokumen-dokumen yang lengkap seperti di bawah :-

- 3.1 Markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) **2022, 2023, 2024** dan **Laporan Penilaian Prestasi Khas (LNPK)** yang disahkan bagi menilai prestasi pegawai yang dipertimbangkan untuk urusan kenaikan pangkat (**Format Markah LNPT**);



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2015
NO. SIJIL : QMS 01851

(Bagi pemohon yang bercuti belajar di dalam tahun berkenaan, sila kemukakan LNPT sama ada sebelum atau selepas tamat cuti belajar)

- 3.2 Borang Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (Format T1);
- 3.3 Lembaran Kelakuan yang menyatakan sama ada tindakan tatatertib pernah atau sedang diambil ke atas pemohon;
- 3.4 Surat Akuan Pinjaman Pendidikan Institusi/ Tabung Pendidikan (Format PP-1); dan
- 3.5 Satu (1) salinan **Kenyataan Perkhidmatan dan Pengisytiharan Harta** yang telah dikemas kini.

4. Kerjasama YBhg. Dato'/ Datin/ tuan/ puan dipohon untuk memaklumkan iklan kenaikan pangkat ini kepada pegawai-pegawai yang layak termasuk calon-calon **yang berada di bawah Jawatan Simpanan Latihan yang sedang belajar di dalam dan di luar negara** dalam tempoh yang ditetapkan. Ketua Jabatan juga adalah dipohon untuk memastikan maklumat dalam dokumen-dokumen yang diperlukan **adalah tepat dan betul** khususnya maklumat-maklumat Cuti Tanpa Gaji (CTG) sekiranya ada, Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dan juga markah LNPT bagi 3 tahun terkini.

5. Dokumen-dokumen yang telah lengkap ini hendaklah **disahkan oleh Ketua Jabatan** dan dikemukakan **sebelum atau pada 26 Mac 2025** menggunakan format senarai semak seperti di **Lampiran 'B'** ke alamat seperti berikut:-

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
Bahagian Sumber Manusia
Unit Naik Pangkat (Profesional)
Aras 9, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W.P. PUTRAJAYA
(u.p. : Cik Izzati Nabilah binti Norazme)

6. Sekiranya perakuan ini lewat diterima atau tidak lengkap dengan dokumen-dokumen yang diperlukan sebagaimana dinyatakan di Para 3 di atas, pegawai dianggap tidak berminat untuk dipertimbangkan dalam cadangan urusan kenaikan pangkat ini. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat pegawai yang **tidak berminat/ telah meletakkan jawatan/ bertukar tetap** ke institusi-institusi pengajian/

Agensi Kerajaan ataupun **bersara pilihan/ wajib** dari Perkhidmatan Awam, YBhg. Dato'/ Datin/ tuan/ puan adalah dipohon **memaklumkan kedudukan pegawai tersebut secara rasmi** dengan mengemukakan sesalinan surat makluman yang berkenaan kepada Unit Naik Pangkat (Profesional), Bahagian Sumber Manusia (BSM), KKM.

7. Iklan kenaikan pangkat ini juga boleh diakses di laman sesawang KKM www.moh.gov.my di bawah pautan Warga KKM/ Kemajuan Kerjaya/ Iklan Pemangkuan Dan Kenaikan Pangkat. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, pegawai yang boleh dihubungi adalah **Puan Nurul Izza Binti Mohamad** di talian **03-88833165**.

8. Kerjasama YBhg. Dato'/ Datin/ tuan/ puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(IZZATI NABILAH BINTI NORAZME)

Bahagian Sumber Manusia
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

LAMPIRAN A**SENARAI NAMA PENGAJAR YANG MEMANGKU GRED U DI KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA**

Bil	Nama Pegawai	Tempat Berkhidmat	Tarikh Memangku Gred U44
1	Zuniadah @ Zunaidah Binti Samsudin	Bahagian Pengurusan Latihan	05.02.2024 (M)
2	Masamah Binti Abdul Majid	ILKKM Sungai Buloh	05.02.2024 (M)
3	Zarina Binti Ali @ Salim	ILKKM Alor Setar (Kejururawatan)	05.02.2024 (M)
4	Norhayati Binti Ibrahim	ILKKM Kangar	05.02.2024 (M)
5	Zaidah Binti Mustaffa	ILKKM Bertam	05.02.2024 (M)
6	Azmah Binti Abu Hassan	ILKKM Johor Bahru	05.02.2024 (M)
7	Huillen Peter Molyos	ILKKM Kota Kinabalu	05.02.2024 (M)
8	Rahmah Binti Mohd Aris	ILKKM Batu Pahat	05.02.2024 (M)
9	Noriha Binti Isnawi	ILKKM Sibu	05.02.2024 (M)
10	Khairiah Binti Abd Kadir	ILKKM Johor Bahru	05.02.2024 (M)
11	Justina Binti Ganggot	ILKKM Sandakan	05.02.2024 (M)
12	Noriza Binti Ismail	ILKKM Batu Pahat	05.02.2024 (M)
13	Zaida Binti Othman	ILKKM Kuching	05.02.2024 (M)
14	Norzamnah Binti Abdullah	ILKKM Johor Bahru	05.02.2024 (M)
15	Rukiah Binti Osman	ILKKM Sungai Buloh	05.02.2024 (M)
16	Yeoh Muh Tyng	ILKKM Kota Kinabalu	05.02.2024 (M)
17	Suriati Binti Mohammed	ILKKM Kubang Kerian	05.02.2024 (M)
18	Norizam Bin Morshidi	ILKKM Kuching	05.02.2024 (M)
19	Dr. Som Phong A/L Chit	ILKKM Sultan Azlan Shah	05.02.2024 (M)
20	Lim Ban Dang	ILKKM Sultan Azlan Shah	05.02.2024 (M)
21	Ayuzelita Binti Osman	ILKKM Sungai Buloh	05.02.2024 (M)

22	Abd Majid Bin Kamaldin	ILKKM Johor Bahru	05.02.2024 (M)
23	Md Faizal Bin Mohammad	ILKKM Sungai Buloh	05.02.2024 (M)
24	Seri Munirah Binti Saleh	ILKKM Johor Bahru	05.02.2024 (M)
25	Lewis Anak Sian	ILKKM Kuching	05.02.2024 (M)
26	Ismail Bin Edi	ILKKM Kota Kinabalu	26.02.2024 (M)
27	Noraini Binti Camarudin	ILKKM Kuala Pilah	26.02.2024 (M)
28	Dr. Kogilavani A/P Subermaniam	ILKKM Tawau	26.02.2024 (M)

SENARAI EDARAN

1. Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
Unit Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia
2. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia
3. ILKKM Kangar, Perlis
4. ILKKM Bertam (Kejururawatan), Pulau Pinang
5. ILKKM Kuching, Sarawak
6. ILKKM Sandakan, Sabah
7. ILKKM Sultan Azlan Shah, Perak
8. ILKKM Sungai Buloh, Selangor
9. ILKKM Johor Bahru, Johor
10. ILKKM Kota Kinabalu, Sabah
11. ILKKM Kubang Kerian, Kelantan
12. ILKKM Kuala Pilah, Negeri Sembilan
13. ILKKM Tawau, Sabah
14. ILKKM Batu Pahat, Johor
15. ILKKM Sibul, Sarawak